



TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK DR. KAMARUDIN BIN MIN

PENGARAH INTAN

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN INTAN BULAN

APRIL TAHUN 2021 BERTEMAKAN

“BAHASA COVID-19: LAMPAS, SUAI DAN

LANTAS”

28 APRIL 2021 (RABU)

9.00 PAGI

DEWAN SERI BAIDURI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh,

**Terima kasih saudara dan saudari Pengacara
Majlis,**

**Yang Berusaha Puan Salinah binti Ismail,
Timbalan Pengarah Kanan INTAN,**

**Yang Berusaha Dr. Kadeessa binti Abdul
Kadir, Ketua Kluster Kecemerlangan Bahasa,**

Ketua-ketua Kluster,

Fellow-fellow Penyelidik Kanan INTAN,

Pengarah-pengarah INTAN Kampus Wilayah,

**Tuan-tuan dan puan-puan warga INTAN yang
dihormati sekalian.**

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya saya diizinkan untuk menyertai tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Perhimpunan Bulanan INTAN bulan April tahun 2021 pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kluster Kecemerlangan Bahasa atas penganjuran majlis ini. Seterusnya saya memanjangkan ucapan terima kasih kepada semua warga INTAN yang hadir secara fizikal atau secara dalam talian untuk menjayakan perhimpunan kita kali ini termasuk mereka yang berada di kampus-kampus wilayah. Inilah kali pertama

selepas sekian lama kita dapat berhimpun kembali dalam era norma baharu.

Hadirin,

Pengenalan Tema Perhimpunan

3. Saya suka untuk menarik perhatian warga sekalian kepada tema perhimpunan kita pada pagi ini. Saya yakin ramai dalam kalangan kita membaca tema tersebut dan tertanya-tanya apakah maksud di sebaliknya. “Bahasa Covid-19: Lampas, Suai dan Lantas” ataupun di dalam Bahasa Inggeris “*The Language of Covid: Learn, Adapt and Advance*” membawakan kita kepada respon perkhidmatan awam Malaysia dalam

menangani Pandemi COVID-19 yang melanda dunia semenjak tahun 2020.

4. Di waktu tersebut, banyak perkataan dan istilah baharu diperkenalkan. Ini termasuk perkataan-perkataan seperti penjarakan fizikal (*physical distancing*), pelitup muka (*face mask*), keluk jangkitan (*infection curve*) dan pengasingan sendiri (*self-isolation*) yang sangat jarang dalam kosa kata pengucapan kita seharian.

5. Namun, bermula tanggal 18 Mac 2020 dengan pelaksanaan PKP di seluruh negara, lambakan istilah-istilah baharu ‘dieksport’ masuk dalam kamus harian rakyat umum. Untuk makluman hadirin, daripada aspek sosiolinguistik, inilah fenomena bagaimana

proses pengayaan sesuatu bahasa terjadi iaitu sama ada secara terancang atau berlakunya sesuatu yang tidak dijangka (*by accident*).

6. Fenomena ini berlaku kepada semua bahasa. Bahasa Indonesia banyak dipengaruhi oleh kosa kata Belanda, bahasa Inggeris sendiri dikayakan melalui proses *borrowing* dan *anglicisation* iaitu peminjaman dan pengejaan semula perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun meminjam sebahagian besar kosa katanya daripada bahasa Cina melalui tulisan Kanji.

7. Begitu juga bahasa Melayu sudah kian sehati dengan istilah-istilah sanskrit, Arab dan Inggeris. Banyak istilah berkenaan pendemik sentiasa di tambah baik. Misalnya

istilah penjarakan sosial ditambah baik kepada istilah penjarakan fizikal supaya SOP yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa lebih tepat maksudnya. Ini selari dengan seruan seruan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020 yang menyebutkan bahawa penggunaan bahasa kebangsaan dalam sektor perkhidmatan awam dilaksanakan secara menyeluruh dan digunakan dengan betul dalam semua urusan rasmi sama ada bentuk tulisan mahupun lisan.

8. Dalam hal ini, kita sebagai penjawat awam perlu menyahut seruan tersebut sedaya-upaya jika kita mahu mengangkat imej profesionalisme perkhidmatan awam. Saya teringat kepada kegigihan tiga pemuda yang

berusaha mempelajari ejaan jawi melalui filem Pendekar Bujang Lapok arahan Seniman Negara, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Walaupun lucu, mesej yang disampaikan amat mendalam. Betapa pentingnya kita harus celik dalam mengejar ilmu tidak kira apa dalam apa bahasa sekalipun. Sama-sama kita lihat sedutan filem tersebut.

Warga INTAN yang saya kasihi,

LAMPAS: PERTAHANAN AMPUH KALIS
GANGGUAN COVID-19

9. Hari ini genap Malaysia berada dalam hari yang ke-405 PKP sejak pertama kali diumumkan. Ini bermakna 405 hari jugalah penjawat awam Malaysia termasuk warga

INTAN telah dilanda gelombang kebiasaan baharu di setiap lapisan perkhidmatan.

10. Kita ‘terpaksa’ bekerja secara jarak jauh atau istilahnya Bekerja Dari Rumah (BDR), perkhidmatan kursus-kursus INTAN tergendala sebentar malah terdapat kampus yang terpaksa dihentikan terus operasi kerana menjadi Pusat Kuarantin Pesakit Covid-19, kampus INTAN Bukit Kiara tidak terkecuali. Perhubungan melalui medium yang sebelumnya dianggap tidak rasmi seperti aplikasi WhatsApp dan Telegram menjadi tunjang komunikasi dan platform telesidang yang dipandang sepi sebelum ini seperti Zoom menjadi rebutan.

11. Semua itu menjadi satu proses pengajaran kepada kita penjawat awam dalam usaha agar proses penyampaian perkhidmatan kita tidak terganggu kepada pelanggan kita. Justeru, di sinilah fasa lampas atau *learn* itu bermula. Lampas dalam Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud membuat sesuatu sehingga menjadi biasa. Berhadapan dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) ketika PKP, penjawat awam INTAN dilampas dengan cara dan etika kerja baharu. *We need to learn to do things differently.*

12. Syukurlah, INTAN tidak mengambil masa yang lama untuk membiasakan diri dengan norma baharu. Ketika institut latihan awam yang lain masih buntu, seawal bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan pada

7 Jun 2020, kita kembali menyambung kursus-kursus, seminar-seminar dan majlis-majlis dengan SOP yang ditetapkan.

13. Segenap organ-organ penting INTAN seperti Pejabat Pendaftar, Kluster-kluster dan Kampus-kampus Wilayah bersama-sama mengoperasikan fungsi INTAN pada tahap yang optimum. Secara tidak langsung, inilah demonstrasi Pengurusan Kesyinambungan Perniagaan atau *Business Continuity Management* oleh INTAN iaitu INTAN tetap berupaya menyampaikan perkhidmatannya pada tahap tertentu walaupun berhadapan insiden tidak dijangka.

Hadirin yang dihormati,

SUAI: MENEMPA KECERDASAN BAHARU

PENJAWAT AWAM MALAYSIA

14. Di samping cara kerja baharu, penjawat awam juga perlu sentiasa peka kepada perubahan semasa. *We need to reset our expectations and anticipate further interruptions.* Mujurlah, manusia memang diciptakan mudah menyesuaikan diri dengan perubahan sehinggakan kebolehan penyesuaian ini menjadi suatu bentuk kecerdasan (*intelliengence*).

15. Oleh itu, selain daripada IQ atau *intelligence quotient* dan EQ atau *emotional quotient*, kecerdasan penyesuaian ataupun AQ atau *adaptability quotient* adalah sangat penting dalam dunia semasa yang bercirikan

VUCA (Volatile, Uncertain, Complex, Ambiguous). AQ merujuk kepada “kebolehan untuk mengubah suai hala tuju, produk, perhidmatan dan strategi dalam merespon kepada perubahan yang tidak dijangka”.

16. Menurut Natalie Fratto, Naib Presiden Bank Silicon Valley dan bekas pengurus strategi syarikat IBM Watson, AQ boleh dikembangkan melalui tiga cara iaitu:

- i. Sentiasa bertanyakan soalan “bagaimana jika... atau *what if...*” – Soalan sebegini memaksa otak bersimulasi senario-senario yang mungkin terjadi sekali gus menyediakan mental dengan gambaran masa hadapan yang tidak menentu;**

ii. **Unlearning – Kebolehan “unlearning” ini mengembalikan kita kepada set minda pemula atau *beginner’s mindset* yang segar dan tidak dihadkan oleh kekangan-kekangan yang wujud dalam set minda sedia ada; dan**

iii. **Eksplorasi berbanding eksploitasi – Merujuk kepada usaha untuk fokus secara aktif kepada penerokaan idea-idea baharu berbanding mengeksploitasi kejayaan-kejayaan lalu. Terkadang, kita akan mudah selesa dengan kejayaan-kejayaan yang lepas lantas sukar beradaptasi dengan perubahan mendatang. *Past success is an enemy for our adaptability.***

Justeru, saranan-saranan ini wajar kita aplikasikan dalam segenap ruang kehidupan kita dalam era pandemik ini yang menuntut penyesuaian-penyesuaian tersebut.

Warga INTAN yang saya kasihi,

LANTAS: RANTAIAN HADAPAN PENENTU KEBERHASILAN

17. Apabila kedua-dua fasa sebelum ini iaitu Lampas dan Suai kita berjaya harungi, tidak ada lagi yang menunggu kita selain hasilnya iaitu Lantas atau *Advance*. Lantas mengikut Kamus Dewan bermaksud tidak berantara, langsung dan terus. Lantas atau *Advance* ini bukan perkara baru bagi kita bahkan ribuan tahun yang lalu dunia sudah menyaksikan kemajuan budaya, sains dan teknologi Islam

yang berkembang bersama-sama dengan penduduk Kristian dan Yahudi di bumi Al-Andalus, Sepanyol. Semasa *Islamic Golden Age*, Cordoba, ibu kota Andalusia telah menjadi kota yang terbesar selepas Constantinople. Ia menjadi titik tolak kebangkitan Renaissance di Eropah. Perkembangan Sains & Teknologi, Budaya dan Sastera serta pengukuhan bahasa berkembang dengan maju semasa pemerintahan Islam di Andalusia hinggalah ke hari ini beberapa Bahasa Arab telah digunakan di dalam Bahasa Latin dan beberapa bahasa di Eropah. Marilah kita sama-sama saksikan video pendek ini yang berkaitan kemajuan Sains & Teknologi di Malaysia

18. Penjawat awam khususnya di INTAN perlu mengintegrasikan lampas dan suai dalam kanvas kerjaya agar sentiasa mengutamakan penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Kerana itu Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Ali memperkenalkan tahun 2021 ini sebagai Tahun Lonjakan Kecemerlangan Sektor Awam atau “The Year for Acceleration towards Civil Service Excellence” didasarkan atas keyakinan beliau dengan kebolehan penjawat awam negara bangkit melampaui dan menyesuaikan diri dengan corak tugas dalam kelaziman baharu.

19. Justeru, beliau menekankan konsep FASTER sebagai ‘resepi rahsia’ untuk

perkhidmatan awam bertahan dalam era pandemik iaitu:

- iv. ***Flat*** merujuk kepada rangkaian arahan dalam organisasi yang didatarkan bagi mempercepatkan pembuatan keputusan;
- v. ***Agile*** atau tangkas;
- vi. **Streamlined** atau diperkemaskan merujuk kepada perkhidmatan yang semakin lama semakin diperkemaskan bagi mendapatkan output terbaik;
- vii. **Tech-Enabled** merujuk kepada pemanfaatan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan;
- viii. **Efficient** atau cekap; dan
- ix. **Resilient** atau berdaya tahan.

Hadirin yang dihormati,

PENUTUP

20. Kesimpulannya, ketiga-tiga terma ini iaitu Lampas, Suai dan Lantas menjadi ‘bahasa-bahasa baru’ dalam naratif kehidupan kita sebagai penjawat awam era Covid-19. Sewajarnya warga INTAN yang menjadi sebahagian daripada juzuk penting perkhidmatan awam negara bangkit menghayati tema ini demi melonjakkan perkhidmatan awam ke tahap yang lebih baik.

21. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sokongan dan komitmen dalam menjayakan perhimpunan pada pagi ini. Saya ucapkan selamat

**menyambut Nuzul Quran kepada warga INTAN
yang beragama islam dan selamat cuti rehat
kepada yang lain.**

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**